

**SOALAN NO. : 365**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang]**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang] minta MENTERI SUMBER ASLI  
DAN ALAM SEKITAR menyatakan :**

- a) Kemaskini program mitigasi banjir di Sibul, Khususnya peringkat pelaksanaan hingga bulan Februari 2015; dan
- b) Rancangan/ langkah untuk mengelakkan banjir terutama di kawasan Sentosa, Sengan, Kampung Bahagia, Lebaan, Ulu Sungai Merah, Bukit Assek, Tiong Hua, Tun Ahmad Zaidi Adruce dan kawasan – kawasan yang sering dilanda banjir terutama 'flash flood' di Sibul.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bagi projek Rancangan Tebatan Banjir Sibu Fasa 2, projek berkenaan telah siap sepenuhnya pada 27 Januari 2015. Sambungan untuk fasa seterusnya akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 sekiranya diluluskan.
  
- (b) Kawasan Bukit Assek dan Tiong Hua termasuk dalam Pelan Induk Tebatan Banjir Sibu kerana kedudukannya yang terletak dalam Bandar Sibu dan termasuk dalam Projek Tebatan Banjir Sibu fasa yang seterusnya.

Bagi kawasan Sentosa, Kampung Bahagia dan Ulu Sungai Merah yang kedudukannya di luar kawasan Pelan Induk Tebatan Banjir Sibu, JPS Sarawak telah mengemukakan permohonan projek di bawah RMKe-11. Sebanyak RM5 juta dipohon untuk menaik taraf saliran bagi kawasan Sentosa; bagi kawasan Bahagia, sebanyak RM10 juta dipohon untuk Rancangan Tebatan Banjir dan bagi kawasan Ulu Sungai Merah sebanyak RM5 juta dipohon untuk menaik taraf saliran.

Kawasan-kawasan lain yang turut disebutkan seperti Sengan, Lebaan, dan Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce yang berada di luar kawasan Pelan Induk Tebatan Banjir, pihak Kementerian masih belum mempunyai

perancangan untuk melaksanakan projek tebatan banjir di situ. Walau bagaimanapun, JPS akan mengkaji dan menilai masalah banjir di kawasan berkenaan sebelum sebarang cadangan dikemukakan untuk tindakan yang berkaitan.

Sekian terima kasih.